


# 10 Strategi Bicara Seksualiti Anak Kecil

DR ANAYASMIN

Pendidikan seksualiti bukan sekadar aspek fizikal tetapi lebih dari itu...

#BermulaDiRumah  
#AnakKitaTanggungjawabKita  
#AuladReadPlay



Hak Cipta

© AULAD READ & PLAY

Terbitan Pertama : 2017

HAKCIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian ebook ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada AULAD READ & PLAY.

Diterbitkan oleh : AULAD READ & PLAY

[www.auladreadplay.com](http://www.auladreadplay.com)

[admin@auladreadplay.com](mailto:admin@auladreadplay.com)

# STRATEGI DALAM PENDIDIKAN SEKSUAL ANAK-ANAK DI RUMAH

Assalamualaikum wbt...

Apa khabar semua?

Saya Anayasmin Azmi. Juga dikenali sebagai Dr Ana. Pengasas Aulad Read & Play.

Niat kami adalah untuk membantu seramai mungkin ibu bapa yang mahu menekankan didikan dirumah sama ada berkerjaya atau suri ummah sepenuh masa. Kami sebagai pemudah cara dengan membekalkan informasi dan produk untuk membantu proses itu.

Saya cuma nak hulurkan salam perkenalan.

Saya yakin dengan kata-kata, berkongsilah kerana mungkin ada yang akan belajar sesuatu dari perkongsian itu.

## Apa yang anda bakal dapat daripada ebook ini?

Isu seksualiti satu isu yang luas! Tetapi ebook ini hanya fokus kepada satu bahagian kecil sahaja. Bahagian yang ramai perlu tahu.

Sebab, dari kajian saya dalam penulisan thesis Master tentang Persepsi ibu bapa terhadap Didikan Seksualiti Anak usia 0-6 tahun, 80% ibu bapa yang menjawab survey mengaku bahawa mereka yakin seksualiti perlu bermula dirumah namun 60% mengaku tidak tahu bagaimana hendak melakukannya.

Satu bilangan yang besar dan membuka mata untuk dibantu segera.

Untuk menjawab persoalan ini, saya bukan hanya membuat teori sendiri semata-mata sebaliknya ia berdasarkan kes-kes yang ditemui di hospital juga kajian thesis dalam Master Early Childhood saya.

Latar belakang saya adalah:

- Doktor perubatan di bidang kanak-kanak salah sebuah institusi kesihatan di Malaysia.
- Baru selesai melengkapkan thesis kajian dalam Persepsi ibu bapa di Malaysia tentang didikan seksualiti untuk anak usia 0-6tahun.
- Penceramah bebas berkaitan isu kanak-kanak seperti didikan seksualiti awal remaja, bahaya pornografi, say no to zina, aktiviti homeschooling, perkembangan kanak-kanak dan banyak lagi.
- Certified NLP Practitioner.
- Pengasa kepada Aulad Read & Play.
- Ibu kepada 4 anak, a travelling family yang sering menetap di luar negara menemani suami bertugas di sana. Boleh ikuti perkongsian di:
  - [www.fb.com/anayasmin](http://www.fb.com/anayasmin)
  - [www.auladreadplay.com/blog](http://www.auladreadplay.com/blog)

Bismillah..

Sebut seksualiti..taboo!! dan ada pula yang terlalu terbuka. Di mana kita harus berada? Ini isu yang penting dan sensitif. Sebaiknya kita berada di posisi yang seimbang dibatasi panduan syariat.

“Yes...saya memang nak ajar anak. Saya tahu ia tanggungjawab saya tetapi saya tak tahu bagaimana nak mula. “

Ini luahan biasa diterima. Oleh sebab itu saya berikan ebook ini.

Saya tidak mahu meleret kerana menghargai masa terhad kita sebagai ibu yang punya banyak komitmen. Saya terus berkongsi strategi umum yang kita perlu ada dalam berbicara isu seksualiti dengan anak kecil.

## #1 Memperkasa nilai Islam

Ini KUNCI PALING PENTING. Saya suka membawa analogi panah dan busur. Anak panah umpama pengetahuan didikan seksualiti yang kita berikan kepada anak. Busur adalah didikan agama. Anak panah ditentukan oleh busur kemana arah tujuhnya. Begitu juga ilmu seksualiti yang anak terima seharusnya dipandu oleh asas ilmu agama yang diterimanya.

Didikan seksualiti ini adalah sebahagian daripada ilmu aqidah, akhlak dan ibadah. Tidak mungkin lengkap ilmu didikan seksualiti jika dipisahkan dari ajaran Islam.

## #2 Perbetulkan Persepsi kita

Nak berbicara isu seksualiti, selalu memeningkan kepala ibu bapa. Kenapa?  
Kerana persepsi di minda kita yang kurang betul.

*Pertama;* kita memandang seksualiti pada aspek fizikal atau biologi sahaja. Iaitu bahagian sulit dan hubungan seksualiti. Hakikatnya ia meliputi aspek yang luas termasuk emosi, akal, sosial dan juga spiritual (ruhiyyah).

*Kedua;* kita masih menjauhi tajuk ini kerana menganggap ia 'taboo' dan kita malu nak berbicara tentang seksualiti.

*Ketiga;* takut anak mencuba apabila mereka tahu tentang isu ini. Ini dibuktikan dalam kajian saya bahawa masih ada 20% ibu bapa berfikiran begini. Sedangkan dalam kajian oleh Kirby (2007) membuktikan didikan seksual tidak meningkatkan aktiviti seksual malahan melambatkan hubungan kelamin.



Pastikan kita SEIMBANG dalam menghadapi isu ini iaitu tidak terlalu liberal juga tidak terlalu conservative. Kita perlu menerima hakikat anak-anak memang terdedah dengan info begitu dan perlu persiapkan mereka dengan kefahaman agama yang utuh agar benteng pertahanan bermula dari dalam.

### #3 Mula sejak kecil dan sesuai usia anak

Bila sesuai nak mula terangkan isu seksualiti kepada anak? Sekitar umur 2.5 – 3 tahun. Pada usia ini anak-anak kita sebenarnya sudah mula mengenal perbezaan antara lelaki dan wanita dan seawal usia 18bulan sudah mula tahu bahagian tubuh badan mereka. Kenalkan nama yang betul untuk bahagian tubuh badan termasuk bahagian kemaluan dengan santai. Sebagaimana kita kenalkan apa itu tangan, kaki, begitu juga kita kenalkan bahagian kemaluan dengan nama yang sebenar.

Pendek kata, sesuaikan perkembangan anak dengan maklumat yang mahu disampaikan.

### Pada Usia 2.5-5tahun:

- Memahami dan hargai anggota tubuh
- Terangkan perlunya membersihkan bahagian tersembunyi termasuk bahagian kehormatan.
- Terangkan bahagian yang boleh disentuh dan tidak boleh disentuh oleh orang lain.
- Terangkan perlunya menghormati orang lain dengan tidak menunjukkan bahagian kehormatan kita kepada orang lain dan tidak melihat bahagian orang lain.
- Mulakan proses pisahkan tempat tidur dan adab meminta izin.
- Terangkan kepentingan 'hygiene'/ kebersihan. Kepentingan membasuh tangan, mandi, membersihkan kawasan tubuh yang terlindung seperti telinga, mulut, hidung, tempat kencing.

**Pada usia 6-7 tahun:**

- Bincang tentang deria rasa, bagaimana ia mempengaruhi kehidupan manusia. Sebagai contoh kulit ada saraf sentuhan yang apabila disentuh membuat kita berasa disayangi, selamat, selesa.
- Terangkan keperluan meminta pertolongan apabila sakit, kecemasan, diganggu atau didera.
- Adab minta izin, malu, menutup aurat, tidur sendirian tidak berkongsi katil/selimut, tidak mandi beamai-ramai

### Usia 7-8 tahun:

- Beritahu bahawa tubuh badan akan mengalami perubahan apabila semakin meningkat usia
- Fasa kehidupan manusia dari bayi hingga dewasa dan tanggungjawab serta perubahan hidup yang bakal di alami.
- Apakah perubahan yang tidak sihat: emosi tidak terkawal, suka berlebihan kepada berlainan jenis atau sesame jenis.

### Usia 8- 9tahun:

- Asas hubungan yang sihat antara keluarga dan rakan-rakan: kepercayaan, batas pergaulan, tanggungjawab.
- Jelaskan keunikan dan perbezaan manusia: kurang upaya, berbeza wajah, berbeza kepercayaan. Bagaimana perbezaan membuat kita unik.
- Menghormati sesame manusia walau berbeza.
- Bagaimana menghadapi perhubungan tidak sihat: pembulian, disukai oleh seseorang, tekanan rakan sebaya
- Apakah faktor yang mempengaruhi fizikal dan emosi seseorang contohnya hormone manusia

- Penampilan dan kekemasan diri.
- Proses akil baligh

### Usia 9-10 tahun:

- Akil baligh
- Apakah kesan akil baligh kepada fizikal, emosi dan social

### Usia 10-11 tahun:

- Memahami cabaran akil baligh: tekanan, emosi, rasa mahu dicintai, perubahan fizikal, jerawat
- Hormati sahabat yang lebih awal mengalami akil baligh. Tiada ejekan atau perlian. Setiap kita akan alami perkara sama.
- Tujuk ajar bahagian reproduksi manusia
- Bagaimana perubahan tubuh manusia
- Proses haid dan penghasilan sperma
- Faktor emosi dan tekanan antara individu
- Bagaimana menanganinya: sedar apa yang berlaku, menjauhi perkara yang membawa mudarat e.g. merokok, tidak solat, pilih kawan yang baik.
- Kemahiran membuat keputusan yang betul.

### Usia 11-15 tahun:

- Memasuki alam remaja
- Bagaimana kehidupan remaja mempengaruhi kehidupan mereka, rakan-rakan dan keluarga
- Kemahiran yang perlu dikuasai:
  - Berfikir kritis
  - Refleksi/muhasabah
  - Adaptasi
- Faktor mempengaruhi identiti
- Perubahan ketara emosi, fizikal, social
- Kepentingan komunikasi sihat, keiizinan
- Kemahiran dan pengetahuan dalam membuat keputusan
- Menjauhi aktiviti berisiko/ negatif
- Bagaimana hubungan dengan orang lain perlu diubah suai kerana perubahan fizikal, emosi dan fikiran yang dialami secara biologi.

#### #4 Santai dan terbuka

Bayangkan kalau kita berkerja dengan majikan yang sangat bengis. Kemungkinan kita akan takut untuk bertanya hingga kerja kita mungkin ada kesilapannya. Begitu juga cara kita berhubung dengan anak lebih-lebih lagi isu sensitif begini. Sediakan ruang untuk berbicara dengan tenang dan akrab. Sebaiknya ayah kepada anak lelaki dan ibu kepada anak perempuan.

#### #5 Menjawab pertanyaan anak vs kita 'prompt' isu kepada anak?

Saya suka highlight dua pendekatan ini. Dalam isu seksualiti, ada perkara yang akan ditanya oleh anak dan kita menjawabnya dengan bijak. Tetapi ada juga situasi yang kita perlu tanya mereka. Ini selalunya berlaku apabila sesuatu isu itu dirasakan perlu untuk anak tahu.

Contohnya pada usia 11 tahun, anak masih tidak bertanya tentang akil baligh. Untuk menjelaskan kepada mereka berbual atau bertanyalah soalan berkaitan hal ini.

Contoh lain pula, anak mungkin tidak bertanya tentang isu sentuhan selamat dan tidak selamat kerana mereka tidak 'aware' akan perkara itu. Jadi kita yang akan 'prompt' atau memulakan bicara hal ini dan menerangkan ikut kesesuaian usia.

Sekiranya kita hanya menunggu anak bertanya, kemungkinan besar kita akan terlepas peluang untuk menjelaskan perkara penting sekitar isu seksualiti anak kita. Sebaliknya, apabila anak bertanya, ia menunjukkan anak sedia untuk mengetahuinya. Contohnya anak bertanya dari mana bayi dilahirkan?

## #6 Cara menjawab persoalan

Dalam kebanyakan situasi, kita cenderung untuk menyuruh anak diam dari bertanya tentang seksualiti. Namun sebenarnya kita perlu menjawab persoalan anak kerana itu satu-satunya peluang untuk mereka tahu sesuatu perkara dengan betul.

Bagaimana cara menjawab soalan anak dengan baik?

1. Bercakap benar tidak berbohong.
2. Ringkas dan tepat.
3. Memberi fakta yang sesuai sahaja tidak elaborate detail kecuali ditanya.
4. Sekiranya anak bertanya details, bincanglah one to one supaya kita boleh tahu tahap kefahamannya dan terangkan dengan efektif.

## #7 Penjelasan perlulah berterusan

Kita tidak berhenti hanya pada usia tertentu. Teruskan berbicara isu seksualiti ini dari anak kecil hingga mereka meningkat dewasa. Fitrah manusia perlu diingatkan berkali-kali akan sesuatu maklumat itu agar ia lekat dimindanya.

Penerangan kita mungkin berbeza mengikut tahap perkembangan anak. Kita mengambil contoh Rasulullah juga berdakwah secara berterusan dengan para sahabat bukan hanya sekali beritahu lalu pergi meninggalkan mereka.

Ya, sekali kita menjadi ibu dan bapa, selamanya tanggungjawab itu tergalas di bahu kita. InshaAllah sebaik-baik ganjaran dari Allah swt kelak.

### #8 Contoh yang baik

Adakah wajar apabila kita berbicara tentang malu tetapi kita sendiri membuka aurat dihadapan anak? Anak melihat dan menyerap apa sahaja yang dihidangkan di sekelilingnya.

Apabila kita mengajar mereka, kita terlebih dahulu laksanakannya secara konsisten.

### #9 Memilih 'circle of friends' dan komuniti

Anak tidak hanya dipengaruhi oleh budaya keluarga kita sahaja. Menurut teori pakar psikologi, Uri Bronfenbrenner, ekologi atau kelompok masyarakat di sekeliling mempengaruhi anak-anak. Pastikan rakan, suasana sekolah, aktiviti yang disertai adalah yang baik dan soleh.

## #10 Mendapatkan bantuan yang pakar

Sebagai contoh, sekiranya kita tidak dapat menjawab beberapa persoalan yang diajukan anak. Mintalah bantuan dari pakar misalnya, doktor perubatan atau guru bertauliah bahagian ini misalnya. Jangan malu untuk mendapat bantuan kerana kita juga akan belajar dari apa yang disampaikan kepada anak kita. Walaupun didikan seksualiti perlu bermula dirumah, tetapi tidak salah sekiranya di bantu oleh institusi atau individu luar yang diyakini.

## PENUTUP

Tidak ada 1 kasut yang boleh muat pada semua kaki. TIADA SATU KELUARGA YANG 'EXACTLY' SAMA DENGAN KELUARGA YANG LAIN.

Kita punya keunikan sendiri, anak-anak kita juga ada keunikan mereka. Raikan dan interaksilah mengikut yang sesuai dengan individu anak kita.

Sertai saya dan rakan-rakan para ibu lain di website, FB Anayasmin Azmi & Fan Page AULAD READ&PLAY.

Klik link di bawah: [www.auladreadplay.com](http://www.auladreadplay.com)

<https://www.facebook.com/auladreadnplay>

[www.fb.com/anayasmin](http://www.fb.com/anayasmin)

Tahniah kerana Berjaya hadam ebook ini. Terima kasih menyokong perkongsian saya.

Kalau anda suka dibantu, orang lain juga begitu. Jadi apa kata kita saling bantu-membantu.

Kongsikan LINK EBOOK dengan rakan-rakan lain sekarang. Share ebook ini dengan LINK saja tau.

Pasti kawan-kawan para ibu yang memerlukan akan berterima kasih kepada anda.

Saya doakan Allah memberi rahmatNya kepada setiap kita dan keluarga kita. Semakin bahagia dan berkat. Berusaha itu hak kita. Hasil usaha hak Allah.

Dr Anayasmin Azmi

Founder AULAD READ&PLAY

<https://www.facebook.com/anayasmin>